



RUNTUHAN PENYANGGA



Satu kejadian runtuhannya telah berlaku semasa kerja-kerja menuang konkrit dijalankan di sebuah tapak pembinaan di Kuala Lumpur. Kemalangan menyebabkan seorang pekerja maut. Berdasarkan siasatan, kejadian ini berkemungkinan disebabkan oleh ketidakstabilan struktur penyangga tersebut apabila beban dikenakan ke atasnya. Koordinasi kerja yang kurang berkesan di antara kontraktor, jurutera dan pembekal, serta kurangnya pemahaman oleh pihak kontraktor berkenaan kehendak dan butiran struktur penyangga juga merupakan antara faktor yang menyebabkan kemalangan berlaku.

Penyangga adalah struktur sementara yang digunakan untuk menyokong struktur kekal sama ada semasa kerja pembinaan atau kerja pengubahsuaian. Sebarang kegagalan pada penyangga boleh membawa kepada keruntuhan struktur yang disokong. Semua pihak termasuk pembekal bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan pekerja yang terlibat dengan kerja penyangga. Seperti kehendak seksyen 20 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, adalah menjadi kewajipan seseorang yang merekabentuk, mengilang, mengimport atau membekalkan bahan untuk digunakan sebagai penyangga untuk:

- a) memastikan, setakat yang praktik, bahawa bahan itu direkabentuk dan dibina selamat apabila digunakan dengan sepatutnya;
- b) menjalankan atau mengatur supaya dijalankan apa-apa ujian dan pemeriksaan yang perlu;
- c) Mengambil langkah yang perlu bagi menjamin bahawa akan boleh didapati maklumat memadai mengenai bahan tersebut dan keadaan yang perlu untuk memastikan bahawa ianya selamat apabila digunakan.

Peraturan 28 (1) Akta Kilang Dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 (BOWEC) telah menetapkan supaya acuan dan penyangga semula diperakui sebagai binaan selamat oleh Jurutera Profesional, dan ianya perlu dirembat atau diikat sekali dengan sempurnanya supaya dapat mengekalkan kedudukan dan bentuknya. Selain itu, **orang yang ditetapkan** hendaklah dilantik di tapak pembinaan sebagai orang yang bertanggungjawab untuk menyelaras bahan dan penggunaan penyangga.

Orang yang ditetapkan bagi kerja penyangga ini:

- i) mestilah dilantik untuk memastikan operasi melibatkan penyangga dijalankan mengikut prosedur yang betul dan selamat. Penyangga perlu mengikut kehendak BOWEC 1986 dan BS 5975 (juga merujuk kepada BS EN 12812) atau koda standard lain yang berkaitan.
- ii) harus mempunyai pengetahuan teknikal dan kejuruteraan struktur.
- iii) perlu memberikan perhatian kepada konsep rekabentuk, kerja rekabentuk, pengiraan dan lukisan pembinaan. Perancangan awal hendaklah merangkumi apa yang perlu disangga, bagaimana ia perlu dilakukan dan berapa lama penyangga akan digunakan.

Untuk maklumat lanjut:

- Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 (BOWEC)